

## **DASAR BAHARU AP TERBUKA**

---

### **A. TUJUAN**

Dasar Baharu AP Terbuka bertujuan untuk:

- i. memberi lebih banyak pilihan kepada orang ramai untuk membeli kereta import pada harga yang kompetitif;
  - ii. memperkasa agenda ekonomi Bumiputera dan memberi peluang sama rata kepada usahawan Bumiputera untuk terlibat dalam sektor automotif; dan
  - iii. memastikan sumbangan dasar AP Terbuka kepada sosio ekonomi negara tidak terjejas.
2. Pelaksanaan dasar baharu ini merangkumi syarat-syarat kelayakan memohon, syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebagai syarikat AP Terbuka, prosedur permohonan dan tindakan ke atas syarikat yang melanggar syarat.

### **B. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MEMOHON**

3. Syarikat-syarikat yang layak memohon adalah seperti berikut:
- i. Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan bertaraf Sdn. Bhd. Syarikat pemegang AP Terbuka sedia ada juga perlu memohon semula sebagai syarikat AP Terbuka;
  - ii. Syarikat berstatus Bumiputera yang memenuhi kriteria berikut:
    - a. saham-saham syarikat dimiliki 100 peratus oleh Bumiputera;
    - b. semua Ahli Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada Bumiputera;
    - c. jawatan Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan/Pengurus Besar, Pengurus Cawangan, Pengurus Pemasaran/Jualan dan jawatan-jawatan penting lain (*key posts*) hendaklah dipegang oleh Bumiputera; dan

- d. pengurusan kewangan syarikat hendaklah dikuasai oleh Bumiputera. Kuasa menandatangani cek hendaklah juga dipegang oleh Bumiputera.
- iii. Syarikat mempunyai pengalaman dan sedang beroperasi dalam bidang penjualan dan pengedaran kenderaan (kereta, motosikal dan kenderaan perdagangan) minimum 2 tahun;
- iv. Mempunyai modal berbayar minimum RM1 juta;
- v. Syarikat tidak mempunyai perubahan pemegang saham/Ahli Lembaga Pengarah dalam tempoh tiga tahun sebelum memohon untuk mendapatkan AP Terbuka;
- vi. Sekiranya syarikat memohon AP Terbuka kereta, pemegang saham/Pengarah/Pengurusan syarikat tidak mempunyai kepentingan dalam syarikat AP Terbuka kereta lain;
- vii. Sekiranya syarikat memohon AP Terbuka motosikal, pemegang saham/Pengarah/Pengurusan syarikat tidak mempunyai kepentingan dalam syarikat AP Terbuka motosikal lain;
- viii. Syarikat mempunyai minimum bilangan pekerja sepenuh masa sedia ada di peringkat pengurusan, pemasaran dan teknikal seramai 5 orang pekerja tempatan;
- ix. Syarikat telah sedia ada memiliki kemudahan ruang pejabat dan bilik pameran yang bersesuaian; dan
- x. Syarikat mempunyai keupayaan dari segi pengurusan dan kewangan untuk menjalankan perniagaan penjualan kenderaan yang diimport melalui AP Terbuka.

**C. SYARAT-SYARAT YANG PERLU DIPATUHI SEBAGAI SYARIKAT AP TERBUKA**

4. Sekiranya syarikat telah diberi kebenaran menjadi syarikat AP Terbuka, syarikat hendaklah sentiasa mematuhi syarat-syarat berikut:

- i. Syarikat hendaklah berstatus Bumiputera yang memenuhi kriteria berikut:
  - a. saham-saham syarikat dimiliki 100 peratus oleh Bumiputera;

- b. semua Ahli Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada Bumiputera;
  - c. jawatan Ketua Eksekutif, Pengarah Urusan atau Pengurus Besar, Pengurus Cawangan, Pengurus Pemasaran/Jualan dan jawatan-jawatan penting lain (*key posts*) hendaklah dipegang oleh Bumiputera; dan
  - d. pengurusan kewangan syarikat hendaklah dikuasai oleh Bumiputera. Kuasa menandatangani cek hendaklah juga dipegang oleh Bumiputera.
- ii. Mempunyai modal berbayar minimum RM1 juta.
  - iii. Sebarang perubahan pegangan ekuiti dan Ahli Lembaga Pengarah syarikat hendaklah mendapat kelulusan MITI terlebih dahulu.
  - iv. Pemegang saham/Ahli Lembaga Pengarah/pengurusan syarikat AP Terbuka kereta tidak mempunyai kepentingan dalam syarikat AP Terbuka kereta yang lain.
  - v. Pengarah/pengurusan syarikat AP Terbuka motosikal tidak mempunyai kepentingan dalam syarikat AP Terbuka motosikal yang lain.
  - vi. Perniagaan (pengimportan/penjualan) hendaklah dijalankan oleh syarikat AP Terbuka sendiri tanpa menggunakan syarikat pengantara:
    - a. pelantikan wakil pengedar adalah tidak dibenarkan;
    - b. penjualan kenderaan kepada syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan kenderaan baharu/terpakai bagi tujuan penjualan semula adalah tidak dibenarkan; dan
    - c. pameran/penyimpanan kenderaan di premis syarikat-syarikat lain yang menjalankan perniagaan kenderaan baharu/terpakai adalah tidak dibenarkan.
  - vii. Syarikat hendaklah menyediakan dan mengekalkan kemudahan ruang pejabat dan bilik pameran yang bersesuaian.
  - viii. Penubuhan/pembukaan cawangan baharu syarikat AP Terbuka hendaklah mendapat kelulusan MITI terlebih dahulu.

- ix. Kenderaan mesti dipamer atau disimpan di premis yang diluluskan oleh MITI sahaja.
- x. Kenderaan yang dibenarkan import adalah:
  - a. kenderaan terpakai yang berusia di antara 1 tahun hingga 5 tahun dari tarikh pendaftaran pertama di negara asal;
  - b. kenderaan baharu yang tidak mempunyai sekatan jenama;
  - c. kenderaan baharu atau terpakai yang tidak mempunyai sekatan model; dan
  - d. motosikal berkapasiti enjin 250cc dan ke atas sahaja.
- xi. Tarikh dokumen pengimportan (*Bill of Lading/Airway Bill*) mestilah tidak melebihi 1 bulan daripada tarikh syarikat mengemukakan permohonan di MITI.
- xii. Mengemukakan Penyata Kewangan Beraudit terkini dan slip pembayaran cukai korporat tahunan kepada LHDN sebelum peruntukan AP tahunan dikeluarkan kepada setiap syarikat.
- xiii. AP (Borang JK69) yang telah diluluskan oleh MITI secara *online* hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum kenderaan tiba di pelabuhan.
- xiv. Semua peruntukan AP hendaklah digunakan pada tahun semasa iaitu sebelum 31 Disember setiap tahun.
- xv. Semua urusan pengimportan hendaklah diselesaikan dalam tempoh masa sahlaku AP (6 bulan) atau sebelum 31 Disember setiap tahun.
- xvi. Maklumat yang dinyatakan di dalam dokumen sokongan pengimportan seperti *invois, Bill of Lading, export certificate/cancellation of registration* dan *preservation record/HPI Record* hendaklah sama dengan maklumat AP (Borang JK69).

- xvii. Syarikat dikehendaki untuk mengemukakan laporan prestasi import dan jualan serta penyata pergerakan stok dalam bentuk cakera padat sebelum 10 haribulan pada setiap bulan.
- xviii. Syarikat dikehendaki menyediakan:
  - a. jaminan penyelenggaraan (*warranty*) sekurang-kurangnya setahun kepada pembeli; dan
  - b. sekurang-kurangnya perkhidmatan selepas jualan dan penyelenggaraan atau bekerjasama dengan *Original Equipment Manufacturer* (OEM) untuk penyelenggaraan.

#### **D. PROSEDUR PERMOHONAN**

##### **5. Borang Permohonan**

- i. Semua syarikat termasuk syarikat pemegang AP Terbuka sedia ada mesti memohon dengan mengemukakan Borang Permohonan AP Terbuka beserta dokumen tambahan/sokongan yang disenaraikan dalam borang permohonan kepada Kementerian ini; dan
- ii. Borang permohonan boleh diperolehi dengan memuat turun di [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my) atau di kaunter AP yang beralamat seperti berikut:

##### **Kaunter**

**Seksyen Kawalan Eksport dan Import (SKEI)**

**Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri**

**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri**

**Aras 2, Menara MITI**

**No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah**

**50480 Kuala Lumpur**

(Waktu Operasi: 8.00 pagi hingga 5.30 petang pada setiap hari kecuali hari Sabtu, Ahad dan cuti umum)

##### **6. Penghantaran Permohonan**

- i. Permohonan dibuka mulai 23 Mei 2016 hingga 21 Jun 2016 iaitu borang permohonan dan dokumen tambahan/sokongan yang lengkap perlu diterima oleh Kementerian ini dalam tempoh tersebut;

- ii. Permohonan yang tidak lengkap atau/dan diterima di luar tempoh tersebut tidak akan diproses. Bagaimanapun, pemohon yang masih berminat boleh memohon menjadi syarikat AP Terbuka apabila permohonan dibuka semula pada tahun berikutnya;
- iii. Borang permohonan dan dokumen tambahan/sokongan yang lengkap perlu dikepilkan bersama dan dihantar kepada:

Penghantaran Melalui Pos

**Pengarah**

**Seksyen Kawalan Eksport dan Import (SKEI)**

**Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri**

**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri**

**Aras 7, Menara MITI**

**No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah**

**50480 Kuala Lumpur**

atau

Penghantaran Melalui Serahan Tangan

**Kaunter**

**Seksyen Kawalan Eksport dan Import (SKEI)**

**Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri**

**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri**

**Aras 2, Menara MITI**

**No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah**

**50480 Kuala Lumpur**

(Waktu Operasi: 8.00 pagi hingga 5.30 petang pada setiap hari kecuali hari Sabtu, Ahad dan cuti umum)

## **7. Penilaian Permohonan**

- i. Penerimaan borang permohonan dan dokumen tambahan/sokongan tidak menjamin kelulusan permohonan;
- ii. Hanya borang permohonan dan dokumen tambahan/sokongan yang lengkap sahaja akan diproses; dan
- iii. Hanya syarikat yang mematuhi syarat kelayakan berdasarkan borang permohonan dan dokumen tambahan/sokongan yang dikemukakan akan diaudit untuk dinilai dengan lebih terperinci.

## **E. TINDAKAN KE ATAS SYARIKAT YANG MELANGGAR SYARAT**

8. Pelanggaran syarat AP Terbuka, peraturan dan undang-undang lain yang berkuatkuasa serta pemalsuan maklumat berkaitannya akan mengakibatkan syarikat:

- i. ditarik balik kelayakan menjadi syarikat AP Terbuka serta ahli lembaga pengarah dan pemegang saham akan disenarai hitam;
- ii. dibekukan pengeluaran peruntukan AP; atau/dan
- iii. dikenakan tindakan-tindakan lain sewajarnya.

## **F. PERINGATAN**

9. Syarikat yang memohon diingatkan bahawa:

- i. Kementerian ini tidak melantik mana-mana pihak sebagai agen/pengantara untuk menerima dan menilai permohonan AP Terbuka; dan
- ii. sebarang pemalsuan maklumat berkaitan permohonan AP Terbuka akan menyebabkan permohonan syarikat dibatalkan dan syarikat (termasuk Ahli Lembaga Pengarah dan pemegang saham) akan disenarai hitam.

## **G. PERTANYAAN LANJUT**

10. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan Dasar Baharu AP Terbuka, boleh hubungi Kaunter Seksyen Kawalan Eksport dan Import (03-6208 4970) atau emelkan kepada [ap@miti.gov.my](mailto:ap@miti.gov.my).